

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 33

Berikut ialah penyata kedudukan kewangan Perniagaan Haridas pada 31 Disember 2016:

Perniagaan Haridas			
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016			
	RM		RM
Lengkapan	12,940	Modal	30,000
Inventori	8,785	Akaun belum bayar	7,467
Akaun belum terima	6,344		
Bank	8,946		
Tunai	452		
	37,467		37,467

Urus niaga di bawah telah berlaku pada bulan Januari 2017:

- Jan 2 Membeli barang niaga secara cek RM800
5 Membayar premium insurans sebanyak RM80 secara tunai.
7 Jualan tunai RM400. Kos barang niaga ini ialah RM280.
11 Pemilik mengeluarkan cek bernilai RM400. RM250 digunakan untuk membayar bil-bil berikut:
Bil elektrik – pejabat RM80; rumah pemilik RM50
Bil air – pejabat RM20; rumah pemilik RM35
Pembekal alat tulis – pejabat RM60; anak pemilik RM5
Bakinya telah digunakan untuk belanja makan pelanggan setia perniagaan.
14 Membayar cek RM1,240 kepada seorang akaun belum bayar untuk menjelaskan hutang sebanyak RM1,300.
18 Jualan barang niaga secara kredit RM2,200. Kos barang niaga ialah RM1,350.
21 Menerima cek daripada seorang akaun belum terima bernilai RM873 selepas ditolak diskaun sebanyak 3%
26 Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
30 Sebuah kipás angin meja telah rosak dan diskrapkan. Nilai kipás ini ialah RM40.
31 Bayar gaji pembantu kedai RM650 secara cek.

Dikehendaki:

(a) Menggunakan bentuk jadual di bawah untuk merekodkan semua urusan niaga di atas:

Urus niaga	Lengkapan	Inventori	Akaun belum terima	Bank	Tunai	Akaun belum bayar	Modal	Untung bersih
2017	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jan 1								
2								
5								
7								
11								
14								
18								
21								
26								
30								
31								
31								

(b) Sediakan penyata kedudukan kewangan bagi Perniagaan Haridas pada 31 Januari 2017, iaitu setelah mengambil kira semua urusan niaga di atas.